

## **Rayuan Felda Ketepi Perintah Mahkamah Tinggi Dibenarkan Bernama**

**4 Apr, 2014**

PUTRAJAYA, 4 April (Bernama) -- Mahkamah Rayuan di sini Jumaat mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi yang memerintahkan Felda membayar RM1.8 juta kepada 121 peneroka Felda Kemahang 1 dan 2 berhubung tabung tanaman semula pokok kelapa sawit.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Aziah Ali sebulat suara membenarkan rayuan Felda dan memerintahkan peneroka berkenaan membayar RM50,000 kos guaman kepada Felda bagi prosiding di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi.

Hakim Datuk Abdul Aziz Abd Rahim ketika menyampaikan penghakiman itu berkata tabung tanaman semula itu hanya boleh dikeluarkan kepada peneroka selepas peneroka mematuhi syarat yang ditetapkan Felda.

Panel itu turut dianggotai Hakim Datuk Varghese George Varughese.

Mahkamah turut membenarkan permohonan peguam Felda, Datuk S. Kulasegaran untuk pengeluaran perintah berbangkit berhubung pemulangan award berjumlah RM1,888,443.83 juta iaitu termasuk faedah, yang mana telah dibayar oleh Felda kepada peguam peneroka yang bertindak selaku pemegang harta susulan keputusan Mahkamah Tinggi Kota Bharu.

Peguam Wan Rohimi Wan Daud yang mewakili peneroka memberitahu mahkamah wang itu telah dibayar kepada setiap peneroka terbabit.

Panel itu bagaimanapun membenarkan permohonan peneroka bagi perintah penggantungan sementara berhubung perintah berbangkit itu sementara menunggu rayuan bagi mendapat kebenaran mengemukakan rayuan di Mahkamah Persekutuan dan juga memfailkan secara rasmi permohonan penangguhan itu di Mahkamah Rayuan dalam tempoh 30 hari.

Peneroka memfailkan saman sivil pada 2004 terhadap Felda berhubung tabung tanaman semula yang mereka sumbangkan selama 18 tahun dari 1981.

Mereka mendakwa mencarum RM4 seekar atau RM56 sebulan untuk membantu kewangan tanaman semula.

Peneroka itu mendakwa mereka cuba memohon daripada Felda untuk dana di bawah skim tanaman semula pokok tetapi Felda tidak meluluskannya.

Pada 14 Jun 2011, Mahkamah Tinggi Kota Bharu membenarkan tuntutan peneroka itu dan

memerintahkan Felda membayar RM1.2 juta, jumlah wang pokok caruman tabung tanaman semula pokok kelapa sawit berkenaan.

Mahkamah Tinggi juga memerintahkan Felda membayar dividen tertunggak berdasarkan caruman peneroka terbabit.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028033>